


# Seramai 607 sertai larian 'Save Life Charity Run for Thallasemia'

NST 27.9.2016 18



BERMULA ... Buhtamam membunyikan wisel menandakan larian bermula.



AJK ... Ahli jawatankuasa Dewanita Sabah bergambar bersama dengan Buhtamam dan sebahagian daripada peserta larian.

KOTA KINABALU: Seramai 607 peserta berjaya menamatkan larian sejauh 7 kilometer sempena dengan larian 'Save Life Charity Run for Thallasemia.'

Larian yang buat julung kalinya dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Sabah, melalui sayap DPMM iaitu Dewanita Sabah, telah diadakan di Padang Kawad Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Yang Dipertua DPMM Sabah, Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmun berkata larian yang bertujuan untuk bera mal, beriadah dan memberikan kesedaran mengenai thallasemia itu mendapat sambutan yang mengalakkam.

"Statistik pesakit thallasemia di Sabah dilaporkan semakin meningkat dan ini telah mendorong DPMM untuk menganjurkan larian amal untuk membantu mengumpul dana bagi menampung kos pembelian peralatan.

"Pada awalnya, kami hanya mensasarkan mengumpul dana sebanyak RM30,000 dengan pendaftaran seramai 500 peserta. Walau bagaimanapun, pada saat-saat akhir seramai 800 peserta telah berniat untuk menyertai. Namun atas kekangan jumlah kakitangan bertugas, kami hanya menerima 607," kata Buhtamam.

Berkata kepada pemberita selepas acara larian selesai, Buhtamam berkata bahawa acara ini akan diteruskan sebagai acara tahunan DPMM, dan berharap agar dapat dilancarkan dalam skala yang lebih besar pada masa akan datang.

"Saya mencadangkan agar larian thalasemia akan digabungkan dengan larian kanser pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Buhtamam manafikan bahawa kegawatan ekonomi semasa memberi impak negatif kepada bidang keusahawanan, terutamanya di kalangan golongan muda.

Dengan purata kadar pertumbuhan Kadar Dalam Negeri Kasar (KDNK) 4.5 peratus hingg

5 peratus, beliau menegaskan bahawa masih luas peluang untuk usahawan melakar kejayaan dan mengaut keuntungan.

"Dahulu graduan universiti mampu menikmati kehidupan yang senang dengan memperolehi pekerjaan tetap. Tetapi kini, bukan semua berjaya mendapatkan pekerjaan. Namun melalui perniagaan dan keusahawanan, generasi muda berpeluang meraih pendapatan yang lumayan," kata Buhtamam.

Beliau menegaskan bahawa kunci kepada peluang itu adalah melalui inovasi dan pendekatan teknologi oleh usahawan itu sendiri.

"DPMM dan dewan perniagaan yang lain sering menganjurkan pelbagai inisiatif untuk membantu usahawan. Antaranya adalah melalui seminar, kursus dan ceramah keusahawanan.

"Dalam masa terdekat ini, DPMM akan bekerjasama dengan SEDIA dan UMS untuk menganjurkan Seminar Tadbir Urus, bagi meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai pengurusan di kalangan usahawan dan pihak yang berkenaan," kata Buhtamam.

Sementara itu, DPMM kini diaggotai oleh lebih daripada 400 orang ahli yang majoritinya terdiri daripada generasi muda.

Turut hadir semasa larian adalah ahli jawatankuasa tertinggi Dewanita Sabah, Dg Halimah Mohd Yusof (Pengerusi), Hjh Norly Abdullah (Timbalan Pengerusi), Nora Abdurrahim (Setiausaha), Farah Abdullah (Bendahari), ahli jawatankuasa DPMM, Datuk Awang Sham Amit (Timbalan Yang. Dipertua), Hj Mohamed Zulfikar Ahmad (Naib Yang Dipertua), Mohd Ghazali Mohd Nadzir (Setiausaha kehormat), Datuk Abdul Kadir Sikandar (Bendahari Kehormat) Dr William Guntulis (Penggarah Kesihatan Sabah), Mohd Asyraf Fong Abdullah (Penggarah Pusat Sukan UMS), dan Zalifah Shadan (Pemangku Bendahari UMS).

-OLEH VESTA VANESSA JSOL DAN IZHAM WAIDI